

# Nisbah ejen pengembangan, petani besar

**E**JEN pengembangan memainkan peranan penting dalam mengorak langkah untuk memajukan bidang pertanian.

Ini kerana menurut Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohd. Arshad**, petani atau usahawan bergantung kepada kebijaksanaan dan informasi ejen pengembangan sebelum melakukan sesuatu perkara atau bertanyakan pendapat.

“Apa yang saya lihat sekarang, ejen pengembangan hanya fokus kepada sesuatu perkara sahaja.

“Contohnya ejen pengembangan itu pakar berkaitan kelapa sawit hanya mengetahui mengenai isu-isu sawit sahaja dan tidak mengetahui perkara berkaitan industri penternakan seperti kambing.

“Sedangkan pengusaha kelapa sawit sekarang turut menanam tumbuhan atau buah-buahan lain dan membela haiwan ternakan sekitar kebun,” ujarnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Justeru, beliau berharap ejen pengembangan diberi kursus atau latihan secara menyeluruh meliputi pelbagai bidang agar memudahkan petani atau usahawan pertanian mendapatkan maklumat dan ilmu dengan tepat dan cepat.

“Ejen pengembangan perlu memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak golongan sasaran, justeru amat wajar mereka dilengkapi ilmu yang pelbagai.

Selain itu bilangan ejen pengembangan perlu ditambah ekoran bilangan petani dan usahawan juga



**PEGAWAI** program pengembangan juga perlu mendekati petani muda.

bertambah.

“Di Malaysia nisbah ejen dan petani ialah 1:500 sementara di Thailand 1:20 dan Vietnam 1:50.

“Ini menunjukkan di Malaysia terdapat jurang yang besar apabila ejen pengembangan perlu

menjaga dan menyampaikan informasi kepada jumlah petani yang ramai dan itu menyukarkan mereka untuk menyalurkan ilmu,” jelasnya.

Walaupun pelbagai usaha digandakan untuk memajukan industri pertanian negara, namun dilihat

masih terdapat beberapa kekurangan yang wajar diperhalusi oleh pihak berkepentingan bagi memastikan bidang pertanian mencapai tahap pengembangan yang baik.

Antaranya, masalah utama yang dilihat sebagai ‘ancaman’ kepada kejayaan pengembangan pertanian adalah faktor cuaca, varieti yang terlalu lama dan penggunaan tanah terlalu kerap.

Berkongsi lebih lanjut Dr. Fatimah berkata, varieti yang terlalu lama akan menyebabkan jenis pokok

“

Ejen pengembangan perlu memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak golongan sasaran, justeru amat wajar mereka dilengkapi ilmu yang pelbagai.”

atau tumbuhan terlalu imun terhadap penyakit.

“Keadaan tersebut tidak baik kepada tumbuhan dan pokok berkenaan, justeru pelbagai varieti baharu perlu dicipta melalui penggunaan teknologi terkini bagi membolehkan industri tersebut terus berkembang dengan penghasilan lebih banyak jenis tumbuhan dan pokok.

“Begitu juga dengan penggunaan tanah secara berulang akan menyebabkan kualiti tanah berkurangan dan tidak mengganggu proses tanaman berikutnya.

“Justeru, perkara terbaik yang perlu dilakukan adalah merehatkan tanah untuk beberapa ketika bagi membolehkan ia kembali subur dan langsung memberi kesan yang baik untuk tanaman akan datang,” katanya.



**DR. FATIMAH MOHD. ARSHAD**